



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**04 Mei 2024
25 Syawal 1444H**

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	Sungai Jelai 'merah', penduduk bimbang ternakan sangkar mati
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo !	- Ikan ketutu, hodoh tetapi bernilai tinggi - Ikan mati lepas sungai jadi oren
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
The Sun	
Malaysiakini	
Bernama	
Borneo Post (KK)	
Guan Ming Daily	
Sabah Media	

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	/	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TAR
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL		14
							4-5-2024

Ikan mati lepas sungai jadi oren

LIPIS – Pengusaha ikan sangkar di pesisir Sungai Jelai dan Sungai Lipis di sini terpaksa menanggung kerugian akibat hidupan yang mereka usahakan mati ekoran air sungai bertukar menjadi warna oren dan keruh.

Hairol Anuar Ahmad Maher, 38, berkata, fenomena itu berlaku hampir setiap tahun di Kampung Ganding, Mukim Cheka Satu.

“Tahun ini sudah lebih 10 kali air tercemar. Terbaharu berlaku kelmarin (Rabu) dan hingga hari ini (semalam) air masih oren.

“Ratusan ikan patin dan tilapia mati. Saya rugi besar kerana ikan-ikan itu sudah boleh dipasarkan pada bila-bila masa,” katanya.

Pengusaha dari Kampung Mela, Johari Abu Bakar berkata, dia terus lihat ikan ternakan sebaik dimaklumkan air bertu-



Ratusan ikan patin dan tilapia mati. Saya rugi besar kerana ikan-ikan itu sudah boleh dipasarkan pada bila-bila masa.”

kar oren.

“Sungai tidak boleh digunakan lagi dan banyak ikan mati kerana habitatnya sudah tercemar,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Mohd. Safri Salleh, 43, mendakwa, kejadian itu mungkin disebabkan aktiviti melombong di kawasan ulu sungai.

“Saya harap pihak berkuasa ambil tindakan bagi mengelakkan kami terus rugi,” katanya.



UTUSAN MALAYSIA	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TAR
BERITA HARIAN	SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	NEGATIF	NEUTRAL	22	4.5.2024

Gewang

Oleh FARAHWAHIDA AHMAD

Di sebalik pelbagai gelaran sebagai ikan hantu atau ikan hodoh, nilai pasaran ikan ketutu ini tetap melambung dan tidak susut nilainya ibarat emas.

Ketutu atau nama saintifiknya *Oryzias latipes* adalah antara ikan air tawar hidup di kawasan cetek berhampiran tebing sungai, tasik dan lombong yang semakin sukar diperoleh.

Ikan ketutu atau haruan ubi yang meniti di bibir para pemancing dan penggemarnya boleh mencecah harga antara RM90 hingga RM120 seekor bagi ikan melebihi berat satu kilogram (kg) atau kebiasaannya antara RM80 hingga RM100 sekilogram.

Bagi Talam Hamid, 58, ikan ketutu yang tertangkap pada jaring bukan setakat habuan rezeki untuknya, namun menjadi buruan pengusaha restoran Cina yang sanggup menawarkan harga lebih tinggi.

"Agak sukar untuk mendapat ikan ketutu sekarang berbanding 15 tahun lalu kerana ia semakin pupus akibat kurangnya pembenihan di sungai.

"Jika ia tersangkut pada jaring, ia ibarat 'bulan jatuh ke riba' dan mampu membuat kami nelayan tersenyum lebar.

"Jaring memerangkap ikan ini hanya boleh dipasang ketika arus sungai menjadi tenang sedikit dan ada juga petua sebaiknya menghadap arah kiblat," katanya ketika ditemui di Pengkalan Nelayan Kampung Seberang Batu Badak di Segamat, Johor baru-baru ini.

Tambah Talam, sekiranya arus kuat, jaring tidak boleh dipasang kerana ia akan bergulung akibat dibawa arus dan dikhuatiri hanya sampah sarap memenuhi jaring.

Talam yang merupakan seorang nelayan sungai juga mengakui rezeki memperoleh ketutu mampu membawa hasil lumayan kepada keluarganya.

"Bagi golongan nelayan, apabila ketutu tersangkut pada jaring atau pukut, terperangkap dalam bubu atau terkena mata kail seolah menemui ketulan emas kecil.

"Saya akan memasang jaring di hohorapa



TALAM menunjukkan ikan ketutu yang berjaya ditangkapnya di sebatang sungai di Segamat, Johor.

Ikan ketutu, hodoh tetapi bernilai tinggi



ORANG ramal teruja melihat pelbagai tangkapan ikan sungai.

KIRI: Talam menunjukkan pelbagai tangkapan ikan yang diperolehnya selepas memasang jaring.

lokasi yang disifatkan sebagai lubuk ikan ini di Sungai Segamat dan Sungai Muar di Segamat serta muara Sungai Buloh Kasap.

"Lazimnya kami akan membiarkan jaring itu kerana semalaman sudah menariknya keesokan awal pagi hari.

"Selain ketutu, ikan yang lazim tersangkut pada jaring juga ialah ikan lampam, baung dan lais," kongsinya.

Sementara itu, Lim Khya Huat, 36, berkata, ikan ketutu lebih lazat berbanding ikan lain dengan rasa yang unik.

"Isi ikan ketutu ini yang lebih padat tetapi lembut amat digemari masyarakat Cina terutama sekali sebagai hidangan makan besar Tahun Baharu Cina.

Menurut kepercayaan kaum Tionghoa, haruan hodoh ini dikatakan mampu menyembuhkan penyakit-penyakit tertentu.



IKAN-IKAN sungai enak dimakan.

"Ia sedap dimasak goreng, disira dengan sos masam manis tomato atau dimasak stim bersama sos tiram, minyak bawang putih, hirisan nipis halia muda dan sedikit perahan limau nipis," ujarnya.

Ketutu, haruan hodoh atau nama popularnya belontok serta ikan hantu adalah tergolong dalam ikan air tawar yang terdapat di negara-negara Asia Tenggara.

Dengan warna dan coraknya yang berceloreng membuatkan ikan ini sangat bijak menyamar dan bersembunyi di sebalik batu atau dedaunan mahupun kayu.

Ikan ini boleh dikategorikan sebagai ikan pemangsa, namun demikian ia sangat malas dan pasif untuk memburu mangsanya.

Ia lebih suka menunggu mangsa yang berenang berhampiran lalu membahamnya apabila dikira sudah cukup hampir tanpa perlu bekerja keras mengejar mangsa.

Ketutu juga sangat aktif pada waktu malam, dan adakalanya keluar dari tempat persembunyian untuk mencari mangsa.

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!	THE STAR	NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TAR
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	THE SUN	ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES	THE MALAY MAIL	PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF	/	NEUTRAL	
						35

4.5.2024

Sungai Jelai 'merah', penduduk bimbang ternakan sangkar mati

UMMS35, 4 Mei

LIPIS: Penduduk di pesisir Sungai Lipis dan Sungai Jelai di Benta dan Cheka dekat sini bimbang keadaan air sungai berwarna 'merah' dan berkeladak dikhuatiri menjejaskan keperluan harian dan gangguan ternakan sangkar sepanjang sungai tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, penduduk di Mukim Cheka Satu, Mohd. Safri Salleh, 43, berkata, sejak sebelum Hari Raya Aidilfitri lalu, air Sungai Jelai di Mukim Cheka Satu dan Cheka Dua bertukar warna kemerahan dan berkeladak.

"Punca pencemaran ini apabila air Sungai Lipis dari kawasan Benta berwarna merah lalu bercantum dengan Sungai Jelai berdekatan bandar Kuala Lipis dipercayai turut tercemar dengan warna merah serta berkeladak sejak dua minggu lalu.

"Masih tidak dapat dipastikan aktiviti di kawasan hulu kedua batang sungai ini sehingga kerap berlaku pelepasan bahan kotor menyebabkan air keruh seperti teh tidak cukup susu," katanya di sini, semalam.

Menurut Mohd. Safri lagi, sebelum ini kejadian itu pernah berlaku setahun sekali apabila air Sungai Lipis bertukar kemerahan sehingga air Sungai Jelai di Mukim Cheka juga menerima impak pencemaran ini sekali gus 'menakutkan' penduduk pesisir sungai tersebut untuk kegunaan harian kerana loji rawatan air memproses bekalan air terawat dari sungai tersebut.

"Kita berharap pihak berwajib memantau keadaan pencemaran kedua-dua sungai tersebut, bukan sahaja aktiviti bercorak komersial di hulu sungai malahan kegiatan lain yang

turut menyumbangkan kepada perubahan warna air dan berkeladak dengan lumpur," katanya.

Seorang penternak ikan sangkar, Johari Abu Bakar, 50, berkata, fenomena ini kerap berlaku sejak Februari lalu sehingga membimbangkan pengusaha ikan sangkar berhubung tahap pembesaran ternakan ikan patin dan tilapia di Sungai Jelai yang menjadi sumber komersial penduduk di sini.

"Sekiranya keadaan ini kerap berlaku ditambah pencemaran lain memungkinkan hidupan liar sungai ini akan pupus termasuk ikan yang ditenak di dalam sangkar juga akan mati," katanya.

Johari berkata, keadaan Sungai Jelai menjadi merah campuran keladak kemungkinan pelepasan bahan buangan daripada aktiviti cari gali bahan mineral di kawasan ulu.

